



## Tahukah Anda?

### MyDestinasi

Tahukah anda Portal MyGovernment juga boleh membantu anda bila-bila masa dan dimana sahaja anda berada. Jika anda berada di luar kawasan dan memerlukan bantuan, MyDestinasi boleh membantu anda melalui pencarian lokasi pejabat am kerajaan seperti Balai Polis, Balai Bomba dan Hospital/Klinik. Kini, anda hanya perlu melayari [www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my) atau scan QR code sahaja.

**MyDestinasi** di Portal MyGovernment adalah satu fasiliti yang ditawarkan kepada rakyat untuk membuat carian lokasi dan maklumat kemudahan yang ditawarkan melalui kaedah carian berdasarkan negeri dan lokasi pengguna. Skop fasiliti carian MyDestinasi meliputi Masjid dan Surau dan akan diperkembangkan dari semasa ke semasa.


### Tujuan

Menawarkan kemudahan carian fasiliti kerajaan yang memberi nilai tambah kepada pengguna portal dan aplikasi sedia ada di dalam Portal MyGovernment.

### Kelebihan

- Menawarkan kemudahan mesra pengguna bagi mendapatkan lokasi carian berdekatan dengan lokasi pengguna.
- Data yang dibekalkan adalah sahih dan terjamin kerana diperolehi dan dibekalkan oleh Kementerian/agensi sebagai pemilik data.

### Tatacara Carian MyDestinasi



## Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada September 2020

Sesi Perbincangan Bagi Penyelarasan Pembangunan Sistem Temu Janji Klinik Antara Klinik Kesihatan Dan Klinik Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **1**

**1 September 2020**

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk pembangunan perkhidmatan Sistem Temu Janji Klinik Antara Klinik Kesihatan Dan Klinik Pergigian di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Agensi terlibat:

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Sesi Perbincangan Teknikal Pembangunan Integrasi Perkhidmatan MyDashboard Bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Portal MyGovernment **2**

**2 September 2020**

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk integrasi pembangunan perkhidmatan MyDashboard bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memusatkan maklumat No. Passport

Sesi Ujian Penerimaan Pengguna/User Acceptance Test (UAT) Bagi Perkhidmatan Permohonan Pendaftaran Kemasukan Ke Tahun Satu Secara Berpusat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Di Portal MyGovernment **3**

**4 September 2020**

Sesi ini diadakan bertujuan menguji fungsi dan